

Hanya 10 minit cegah denggi

BATU 8 – Kajian menunjukkan masyarakat lebih terdedah diserang demam denggi sebanyak 80 peratus ketika berada dalam rumah berbanding 20 peratus di luar.

Penolong Pegawai Persekitaran, Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Asarudin Jamaluddin berkata, oleh itu pihaknya sering memberi tekanan kepada orang ramai supaya meluangkan masa 10 hingga 15 minit seminggu untuk membersihkan rumah dan membuang air bertakung di dalam rumah.

Menurutnya, bagaimanapun kesedaran itu masih kurang dan dipandang sepi segelintir masyarakat yang tidak mengambil berat kecuali jika ada dalam kalangan ahli keluarga mereka yang telah diserang demam denggi.

Katanya, masyarakat tidak seharusnya meletakkan

100 peratus pencegahan demam denggi kepada jabatan kesihatan sahaja tetapi bersama membasmi tempat pembiakan denggi terutama di dalam rumah mereka dengan hanya sekali seminggu.

“Kes demam denggi masih dipandang sepi masyarakat, sepatutnya kita bersama mencegah pembiakan nyamuk denggi yang tidak mengenal siapa mangsanya.

“Pencegahan ini tidak mengambil masa yang lama namun masih sukar dilakukan dan kerana itu penyakit denggi belum dapat ditangani,” katanya kepada Sinar Harian ketika Program Gotong-royong Membasmi Denggi di Pekarangan Masjid Zakaria di sini, semalam.

Hadir sama pada program itu, Pembantu Kesihatan Awam, Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Bahrudin Ahmad, Wakil Pusat khidmat Masyarakat Dewan Negeri Gombak Setia,



● Sebahagian penduduk bersama kakitangan Jabatan Kesihatan Daerah Gombak yang menyertai aktiviti gotong-royong di Batu 8, semalam.

Radhî Yusoff, wakil Pejabat Parlimen Gombak, Roslin Ahmad dan Jawatan Kuasa Kemajuan kampung (JKKK) Gombak Utara, Said Zakaria.

Menurutnya, ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak mengetahui nyamuk aedes sebenarnya membiak di tempat-tempat air yang bersih dan jernih dan bukannya di dalam air kotor seperti di longkang dan sebaliknya.

Katanya, apa yang telah dipaparkan media elektronik sebelum ini telah memberi tanggapan yang salah bahawa nyamuk itu membiak di tempat air yang kotor seperti di kawasan perparitan atau longkang sedangkan spesies nyamuk denggi membiak di kawasan air yang bersih.

“Seharusnya media memaparkan maklumat yang benar dan kebanyakan media memaparkan longkang

yang menjadi punca utama berlaku denggi sedangkan hanya 0.01 peratus boleh dikatakan nyamuk denggi membiak di kawasan longkang dan selebihnya adalah air bersih,” katanya.

Menurutnya, sekiranya maklumat yang diberikan itu tidak sah ia boleh memberikan pelbagai persepsi negatif kepada masyarakat dan sehingga mereka terlindung untuk mendapatkan

maklumat yang tepat bahawa di dalam rumah yang mempunyai air bertakung boleh berlaku pembiakan denggi.

“Kita perlu sama-sama menjaga kebersihan dan mencegah denggi dan sekiranya aktiviti gotong-royong diadakan masyarakat perlu bersama-sama turun padang bagi menangani virus denggi yang mampu meragut nyawa,” katanya.